

30/06/2000

PM rasmi pameran pakaian gaya Islam, Barat

KUALA LUMPUR, Khamis - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini merasmikan Pameran Pakaian Zaman Pertemuan Gaya Islam dan Barat bertemakan 'Pakaian Untuk Badan, Badan Untuk Pakaian' di Muzium Kesenian Islam di Jalan Lembah Perdana di sini.

Pameran itu yang diadakan buat pertama kali di negara ini dengan kerjasama Kedutaan Itali dan akan berlangsung selama tiga bulan, iaitu sehingga 30 September.

Sebanyak 180 koleksi pakaian dipamerkan dengan memberi penekanan terhadap perbezaan antara perkembangan pakaian Barat dan Islam. Ia merangkumi pakaian lelaki dan wanita, baju besi peperangan, kasut, sarung tangan dan hiasan kepala.

Antara yang menarik ialah pakaian dublet kulit serta sulam sutera dan emas, pakaian ketenteraan yang digunakan sebagai pakaian harian, kasut dari abad ke 16 dan 17 termasuk chopines bertumit setinggi 30 sentimeter, korset besi dari abad yang sama yang jarang dijumpai.

Semua koleksi itu adalah milik Muzium Sitbbert, Florence, Itali.

Turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri-Menteri Luar negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang berada di Kuala Lumpur untuk menghadiri Persidangan Menteri Luar Islam Ke-27, wakil diplomat dan orang kenamaan.

Dalam ucapan ringkas pada majlis itu, Dr Mahathir berkata, pameran pakaian itu mengajak masyarakat mempelajari sesuatu yang berlainan daripada masa lampau serta pencapaian Islam dalam bidang kebudayaan.

"Hari ini cara pemakaian umat Islam sudah menjadi semakin universal. Kalau kita (orang timur) boleh meniru cara berpakaian orang barat, seharusnya orang barat juga boleh meniru atau mencuba pakaian masyarakat timur.

"Itu adalah lebih baik untuk merapatkan hubungan dan sekali gus menyumbang kepada ke arah kebaikan kepada dunia," katanya.

(END)